

Musa: Kaum kecil tidak diabai

MELAKA, Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam menegaskan, Kerajaan tidak akan melupakan tanggungjawabnya terhadap berbagai kaum yang kecil bilangannya atau berbeza pandangan politiknya.

"Kita tidak mahu, sesiapapun tertinggal termasuk Orang Asli yang pernah saya lawati baru-baru ini.

Orang Asli tidak harus diketepikan untuk menikmati berbagai kemudahan Kerajaan kerana mereka juga rakyat Malaysia," tegasnya.

Datuk Musa yang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke Melaka berkata demikian sewaktu menemui penduduk-penduduk keturunan Portugis dalam lawatan tidak rasmi ke perkampungan Portugis di sini, lewat petang kelmarin.

Beliau adalah Timbalan Perdana Menteri pertama melawat ke perkampungan itu.

Mengetahui

"Saya sengaja memilih kawasan ini kerana telah menjadi amalanya melakukan lawatan mengejut ke kawasan yang saya fikir kurang maju untuk mengetahui sendiri masalah yang mereka hadapi," tegas beliau lagi.

"Saya berpendapat penganjur di negara ini harus mengetahui keadaan sebenar rakyat tanpa mengira politik. Apabila saya sendiri datang ke perkampungan Portugis ini, sudah nyata keadaan di sini masih tertinggal," katanya.

Turut mengiringi Datuk Musa ialah Ketua Menteri, Encik Mohd. Adib Haji Mohd. Adam dan Menteri Kesihatan Tan Sri Chong Hon Nyan.

Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Bandar Hilir, Encik Bernard Sta Maria (DAP) dan Ketua Kampung Portugis, Encik Michael Young turut menyambut rombongan Timbalan Perdana Menteri itu.

Peruntukan

Sempena lawatan itu, Datuk Musa meluluskan peruntukan segera berjumlah \$173,000 untuk memajukan perkampungan tersebut yang mempunyai kira-kira 200 keluarga.

Peruntukan itu termasuk \$100,000 untuk balai raya, \$60,000 pembinaan longkang, \$3,000 pembesaran jeti dan \$10,000 untuk gerai-gerai perniagaan.

"Saya berharap penduduk-penduduk keturunan Portugis di sini tidak mengangap diri mereka terpencil dari masyarakat lain di negara ini. Saya juga bangga bahawa orang-orang Portugis di sini mengakui mereka sebagai Portugis Malaysia, bukan Portugis Portugal," jelasnya lagi.

Datuk Musa sambil berjenaka berkata, apabila beliau menyatakan hasratnya melawat ke perkampungan itu, ada orang memberitahu bahawa "Jangan datang Datuk kerana orang politik tidak sokong kita.

"Apa yang perlu saya tegaskan di sini ialah Kerajaan tidak mahu sesiapapun baik dari kaum majoriti atau minoriti tertinggal atau dibiarkan terpencil walaupun mempunyai pandangan politik berbeza terhadap Kerajaan yang memerintah."

"Yang penting mereka adalah rakyat Malaysia," katanya lagi.

Bahan asli dari Akhbar
Negeria Malaysia